

Tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang
(*Screen addiction level among IPT youth in Klang Valley*)

MOHAMAD ADLI BACO, MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH*, ARENA CHE KASIM &
MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOF

ABSTRAK

Ketagihan teknologi menjadi fenomena yang membimbangkan dan memberikan impak negatif kepada kehidupan seseorang. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Lembah Klang. Kaedah metodologi dalam kajian ini adalah secara kuantitatif melalui tinjauan soal selidik. Persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak berstrata dari belia IPT Awam (IP TA) iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seramai 400 responden terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah Ketagihan Skrin (*Screen Addiction Test*) diadaptasi daripada instrumen *Internet Addiction Test* (IAT) oleh Kimberly Young (1998); Widiyanto et al. (2004) dan juga Instrumen *Smartphone Addiction Inventory* (SPAI) oleh Mator Boumashleh et al. (2017) bagi mengkaji tahap ketagihan skrin. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS 26). Kajian mendapati tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT di Lembah Klang berada pada tahap yang tinggi iaitu (Min: 3.7014, Sp: .37606). Ketagihan skrin diukur berdasarkan tujuh konstruk iaitu hubungan berorientasikan media sosial, tingkah laku kompulsif, keutamaan, kebergantungan, kemerosotan fungsi diri dan sikap kehidupan beragama. Analisis dapatan Ujian T, mendapati tiada perbezaan yang signifikan dalam ketagihan skrin bagi jantina belia IPT. Justeru itu, tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT adalah tinggi. Justeru itu, hasil dapatkan kajian menjadi panduan dalam menyediakan intervensi untuk menangani ketagihan skrin dalam kalangan belia dan remaja sekolah oleh pihak bekepentingan. Selain itu, konstruk kajian ini boleh digunakan untuk menguji ketagihan skrin di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia dan juga di sekolah.

Kata Kunci: Ketagihan Skrin, Ketagihan Internet, Belia, Komunikasi dan Media Sosial.

ABSTRACT

Technology addiction has become a concerning phenomenon and has a negative impact on an individual's life. This study aims to assess the level of screen addiction among public university students in Klang Valley. The methodology used is quantitative, employing a questionnaire. The sampling method used was stratified random sampling from youth in Public Higher Education Institutions (IPTA), including Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) and Universiti Teknologi MARA (UiTM). A total of 400 respondents participated in the study. The instruments used were the Screen Addiction Test adapted from the Internet Addiction Test (IAT) by Kimberly Young (1998) and Widiyanto et al. (2004), as well the Smartphone Addiction Inventory (SPAI) by Mator Boumashleh et al. (2017) to assess the level of screen addiction. The data analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS26). The study found that the level of screen addiction among university students in Klang Valley is high (mean: 3.7014, sd: 0.37606). Screen addiction was measured based on seven constructs: relationship orientation with social media, compulsive behavior, priority, dependence, decline in self-function, and religious life attitude. T-test analysis revealed no significant difference in screen addiction based on the gender of the university students. Therefore, the level of screen addiction among university students is high. The diversity of communication technology needs in the daily lives of young people drives screen addiction. Therefore, the findings of the study serve as a guide in preparing interventions to address screen addiction among youth and school adolescents by stakeholders. Additionally, the constructs of this study can be used to assess screen addiction in all higher education institutions in Malaysia and also in schools.

Keywords: *Screen Addiction, Internet Addiction, Youth, Communication and Social Media.*

PENGENALAN

Berdasarkan laporan kajian penggunaan ICT individu tahun 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan penggunaan internet bagi individu di Malaysia telah meningkat pada 2022. Hal ini menunjukkan penerimaan penggunaan terhadap teknologi komunikasi, aplikasi media sosial dan internet adalah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini turut disokong oleh Laporan Kajian Penggunaan Internet bagi 2022 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), juga mendapati trend peningkatan pengguna yang mencapai dan mengakses internet di Malaysia, iaitu meningkat sebanyak 4 peratus berbanding 88.7 peratus pada tahun 2020. Trend peningkatan tersebut didorong oleh kepesatan penggunaan peranti digital seperti telefon pintar (98.7%). Belia berusia 18-30 tahun merupakan majoriti pengguna internet iaitu 55.9 peratus. Penyertaan dalam rangkaian sosial menjadi aktiviti internet paling popular oleh rakyat Malaysia. Namun begitu, peningkatan ini bagi aktiviti mendapatkan maklumat dan berkomunikasi secara dalam talian. Proses ini berlaku melalui penggunaan teknologi komunikasi digital dan membolehkan pengguna saling berkomunikasi di alam maya (Exelmans & Van, 2016).

Peningkatan penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah dan belia IPT pasca Covid-19. Keperluan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) meningkat berikutan penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Sistem pengajaran dan pembelajaran dalam talian diperkenalkan seperti Google Classroom (GC), Google Meet (GM), Zoom, Webex Meet, Teams, Quizlet, Google Form beserta melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram. Pihak kerajaan diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah membantu melalui inisiatif Peranti Siswa dengan membekalkan tablet kepada mahasiswa yang memerlukan. Begitu juga dengan bantuan data internet percuma diperluas kepada golongan pelajar dan mahasiswa bagi manfaat PdPR (Metro, 2021). Justeru itu, penggunaan teknologi digital dan internet semakin meningkat terutama golongan belia IPT disebabkan keperluan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya carian sumber rujukan (Tom & Tohalib, 2018). Namun demikian, penggunaan internet yang kerap boleh menyebabkan kebergantungan mereka kepada aktiviti dalam talian juga meningkat seperti permainan video game, media sosial dan hiburan.

Kebergantungan kepada teknologi komunikasi seperti internet dan aplikasi media sosial akan menyebabkan individu mudah meluangkan masa yang lama dengan aktiviti dalam talian (Saruji et al., 2017).

Berdasarkan laporan SKMM (2022) kadar penggunaan internet rakyat Malaysia 5-12 jam iaitu 44.7 peratus dan 18.7 peratus menggunakan dalam tempoh lebih 13 jam sehari. Laporan ini membuktikan kebergantungan yang sangat tinggi terhadap internet. Kebergantungan kepada teknologi komunikasi iaitu internet, telefon bimbit, gajet dan aplikasi media sosial adalah simptom ketagihan skrin (Din & Isam, 2019; Mustaffa, et al., 2013). Konsep ketagihan skrin merujuk kepada kebergantungan dan taksub secara fizikal kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar, gadget-gajet, aplikasi media sosial dan internet. Dalam kajian ini, konsep ketagihan skrin adalah kebergantungan dan taksub secara fizikal kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar untuk melayari internet dan aplikasi media sosial. Kajian ketagihan teknologi komunikasi sebelumnya tertumpu kepada ketagihan internet, media sosial, video game, telefon pintar dan kandungan aplikasi dalam talian. Pelbagai terma digunakan dan instrumen yang telah dibangunkan, sedikit kajian yang tertumpu kepada ketagihan skrin. Oleh itu, artikel ini membincang tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT di sekitar Lembah Klang.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap penerimaan dan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam kalangan pelajar IPT banyak dilaksanakan oleh pengkaji di peringkat lokal dan antarabangsa. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Hussin et al. (2022), Muhammad & Ismail (2020) dan Ishak & Yamin (2019) lebih berfokus kepada penggunaan dan penerimaan teknologi komunikasi dalam pembelajaran. Kajian-kajian oleh Ika Destina et al. (2013), Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014) dan Nurhamizah Hashim & Asbah Razali (2019) pula melihat kepada aspek penggunaan peralatan komunikasi dan aplikasi di Internet seperti email dan media sosial. Penerimaan teknologi komunikasi dipengaruhi oleh faktor mudah digunakan dan manfaat kepada pelbagai bidang seperti pembelajaran, perniagaan dan juga perkongsian maklumat. Selain itu, sifat Web 2.0 yang lebih fleksibel, dinamik dan aktif, mesra pengguna serta ciri aplikasi interaktif di internet (Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham, 2017).

Penggunaan ICT memberi impak positif dan negatif kepada pengguna terutama belia. Sebagai contoh, penggunaan peranti telefon pintar, tablet dan gajet yang lain memberi faedah kepada belia IPT masa kini untuk berkomunikasi, mencari dan berkongsi maklumat, melalui pembelajaran elektronik, tetapi

aktiviti ini boleh memberi impak yang negatif dan risiko sekiranya tidak diguna dengan baik dan terkawal (Drago, 2015). Namun begitu, penerimaan ICT dalam pembelajaran secara tidak langsung membawa kepada kebergantungan penggunaan telefon pintar, aplikasi media sosial serta aktiviti dalam talian. Kebergantungan yang tinggi terhadap teknologi komunikasi dan aplikasi di Internet seperti gajet, telefon pintar, aplikasi media sosial dan sebagainya akan membawa kepada ketagihan skrin dalam kalangan pengguna seperti kanak-kanak, remaja dan belia (Din & Isam, 2019; Mustaffa et al. 2013). Terdapat banyak kajian menunjukkan kesan dari penggunaan yang tidak terkawal, taksub atau kebergantungan pada tahap yang tinggi akan memberi kesan yang negatif kepada belia IPT (Rahman, 2021).

Kajian ketagihan dalam konteks ICT telah dijalankan seperti teknologi (Griffiths, 1996), komputer (Shotton, 1991), *video game* (Keepers, 1990), television (Winn M., 1977) dan internet (Young, 1996). Penggunaan teknologi komunikasi yang tidak terkawal dan secara berlebihan dianggap sebagai ketagihan tingkah laku (Goldberg, 1996). Kemunculan internet permulaan kepada kehidupan maya. Ketagihan internet sebagai keinginan atau dorongan yang sangat kuat untuk menggunakan internet (Korkeila, et al., 2009). Manakala Kandell (1998) mendefinisikan ketagihan internet adalah kebergantungan secara psikologi dalam penggunaan teknologi internet untuk melayari pelbagai aktiviti serta kandungannya. Ia juga merujuk kepada sebarang tingkah laku yang berkaitan dengan teknologi ini sebagai ketagihan internet (Chou, 2001). Pelbagai istilah digunakan dalam kajian lepas untuk menggambarkan penggunaan teknologi digital bermasalah iaitu Ketagihan Internet (Young, 1998), Penggunaan Internet Kompulsif (Greenfield, 1999), Telefon bimbit (Chóliz, 2010), Ketagihan ICT (Greene, et al 2016) dan Media Sosial (Ejechi, 2016). Istilah ketagihan internet digunakan secara kolektif oleh ramai pengkaji bagi melihat ketagihan penggunaan teknologi komunikasi. Terdapat juga pengkaji yang memfokuskan penelitian ketagihan bahan dan aktiviti dalam internet seperti perjudian dalam talian, membeli belah dan bersempbang (Tsai, 2009) dan penggunaan aplikasi media sosial iaitu Facebook (Kittinger, Correia & Irons, 2012), laman rangkaian sosial-SNS (Leung & Lee, 2012) telah didapati berkaitan dengan ketagihan internet. Internet menjadi asas kepada proses carian maklumat secara dalam talian yang menggunakan pelbagai jenis peranti teknologi digital (Ryding dan Kaye, 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal selidik (*Survey*). Pendekatan ini membolehkan data dikumpul daripada responden secara bersemuka dan dalam talian dengan mudah. Satu set soalan kaji selidik diedarkan kepada responden bagi mengkaji tahap ketagihan skrin dalam kalangan pelajar IPT di Lembah Klang. Kajian ini hanya melibatkan sampel IPT di Lembah Klang kerana kawasan ini pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat adalah lebih baik dibanding dengan kawasan yang lain. Berdasarkan laporan statistik pelajar IPTA di Selangor ialah 148 409 (KPT, 2022). Model penentuan sampel kajian ini adalah menggunakan Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan ‘Jadual penentuan saiz sampel’ Krejcie & Morgan bilangan sampel diperlukan oleh kajian ini adalah seramai 384 pelajar. Namun begitu, bagi meningkatkan ketepatan menggeneralisasikan data mewakili populasi, maka seramai 400 pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berstrata tidak mengikut nisbah (*disproportionate stratified random sampling*) bagi mengatasi masalah pemilihan sampel yang berbeza mengikut bilangan dan ciri. Ciri-ciri responden untuk kajian ialah belia IPTA yang mempunyai satu akaun media sosial, tempoh penggunaan lebih dari setahun dan penggunaan 4-5 jam sehari, bangsa dan jantina. Responden terdiri daripada pelajar IPTA di Lembah Klang. Skop kajian ini tidak melibatkan belia IPT Swasta dan IPTA yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kemudian penyelidik melakukan pemilihan sampel secara rawak bagi populasi yang telah ditetapkan dengan teknik persampelan rawak berstrata tidak mengikut nisbah.

Instrumen

Instrumen yang digunakan bagi memperolehi data kajian ialah soal selidik. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada Bahagian A iaitu Demografi yang terdiri dari maklumat seperti jantina, umur, bangsa, tahun pengajian dan universiti). Bahagian B: Penggunaan Teknologi dan Media Sosial yang terdiri daripada (jenis gajet, sumber capaian internet, tempoh penggunaan, jenis media sosial dan aktiviti dalam talian).

Manakala, Bahagian C: Ketagihan Skrin (*Screen Addiction Test*). Instrumen Ketagihan Skrin digunakan

bagi meninjau tahap ketagihan penggunaan teknologi digital bermasalah, berlebihan lalai, kebergantungan dan mendesak (Din & Isam, 2019). Konsep ketagihan skrin bagi kajian ini ialah kebergantungan dan taksub secara fizikal terhadap penggunaan teknologi komunikasi untuk mengakses kandungan di internet serta aplikasi media sosial. Instrumen Ketagihan Skrin diadaptasi daripada Instrumen Ketagihan Internet (IAT) oleh Dr. Kimberly Young (1996); Widiyanto et al. (2004) dan Instrumen *Smartphone Addiction Inventory* (SPAI) oleh Mator Boumashleh et al. (2017). Instrumen Ketagihan Skrin diukur berdasarkan tujuh konstruk iaitu hubungan berorientasikan media sosial, keutamaan, kemerosotan fungsi diri, tingkah laku kompulsif, kebergantungan dan sikap kehidupan beragama yang mengandungi 41 item. Pemilihan konstruk instrumen ini berdasarkan data dari kajian kualitatif dan juga adaptasi dari instrumen kajian sebelum ini mengikut kesesuaian untuk menilai tahap ketagihan skrin. Instrumen ini adalah untuk menilai tahap penggunaan teknologi digital yang bermasalah berdasarkan 5 poin Skala Likert.

Analisis Kebolehpercayaan setiap item soalan dilakukan melalui kajian rintis dengan 30 orang responden terdiri daripada pelajar IPTA yang dipilih sebagai sampel kajian. Hasil analisis mendapatkan nilai pekali *Cronbach's Alpha* melebihi 0.7. Ini membuktikan soal selidik ini sesuai untuk digunakan kerana melebihi 0.7 (Nunnally, 1978).

Kutip Data dan Analisis

Proses kutipan data adalah secara bersemuka dan dalam talian iaitu *Google Form* dan diedarkan melalui medium *WhatsApp*. Set soalan kaji selidik ditadbir menggunakan *Google Drive* dan telah diletakkan syarat secara automatik untuk seorang responden menjawab sekali sahaja bagi memastikan tiada pengulangan data. Selain itu, *Google Form* juga ditadbir secara automatik responden wajib menjawab keseluruhan item soalan sebelum menghantar jawapan mereka. Terdapat enumerator di setiap IPTA bagi membantu pengedaran capaian soalan kaji selidik dalam talian. Pelajar telah diberi pengenalan ringkas berkenaan tujuan kajian dan menjawab soalan kaji selidik secara sukarela. Kemudian, data yang dikumpul di analisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 26. Analisis deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, skor min, sisihan piawaian, kebolehpercayaan dan analisis Ujian-t.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi

Jadual 1 menunjukkan responden belia IPTA adalah seramai 180 orang (45.0%) Lelaki dan 220 orang (55.0%) Perempuan. Responden terdiri dalam lingkungan umur di antara 19-30 tahun. Responden berusia 21-22 tahun seramai 147 orang (36.8%) merupakan kumpulan umur yang paling tinggi, diikuti responden berusia 23-24 tahun (27.6%). Manakala, taburan bangsa terdiri daripada 175 orang berbangsa Melayu (44.0%), Cina (20.0%), India (19.0%) dan Bumiputra Sabah/Sarawak (17.0%). Dari aspek tahap pengajian responden pula, seramai 83 orang berada di tahun pertama pengajian (21.0%), 114 orang tahun ke-2 (29.0%), 109 orang tahun ke-3 (27.0%), 29 orang di tahun akhir pengajian (07.0%) dan 65 orang pelajar diperingkat siswazah (16.0%). Taburan bagi Universiti responden adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seramai 134 orang (33.5%), pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Malaya (UM) masing-masing seramai 70 orang (17.5%), pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) seramai 76 orang (19.0%) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 50 orang (12.5%).

Penggunaan Teknologi dan Media sosial

Jadual 2 menunjukkan taburan penggunaan teknologi digital dan media sosial oleh responden. Telefon pintar merupakan peranti yang digunakan oleh majoriti golongan belia IPT dengan 99.5 peratus, seterusnya komputer riba dengan 96.3% dan *tablet/ipad* dengan pemilikan sebanyak 62.3%. Majoriti menggunakan plan data untuk mengakses internet iaitu 99.0%, diikuti wifi universiti 94.8%, hotspot 71.3% dan wifi rumah 66.5%. Taburan jenis media sosial mendapat aplikasi media sosial yang paling kerap digunakan ialah Instagram dan Youtube 97.3%, diikuti Telegram 94.3%, Tiktok 81.8%, disusuli oleh Facebook 79.3% dan Twitter 66.5%. Manakala Netflix 59.3% dan

Snapchat 45.5% merupakan penggunaan yang paling sedikit. Dapatan bagi aktiviti dalam talian mendapati carian maklumat merupakan aktiviti utama penggunaan media sosial iaitu 99.5% penggunaan. Kedua aktiviti bersosial (98.5%), bersempang (97.5%), tontonan (97.0%), membaca (93.3 %) dan aktiviti permainan *video game* yang terendah iaitu 67.0%.

JADUAL 1: Demografi Responden

Perkara	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	180	45.0
Perempuan	220	55.0
Umur		
19-20 Tahun	72	18.0
21-22 Tahun	147	36.8
23-24 Tahun	111	27.6
> 25 Tahun	70	17.6
Bangsa		
Melayu	175	44.0
Cina	80	20.0
India	75	19.0
Bumiputera Sabah/Sarawak	70	17.0
Tahun Pengajian		
Tahun 1	83	21.0
Tahun 2	114	29.0
Tahun 3	109	27.0
Tahun 4	29	07.0
Siswazah	65	16.0
Institusi Pengajian		
Universiti Teknologi Mara	70	17.5
Universiti Kebangsaan Malaysia	134	33.5
Universiti Malaya	70	17.5
Universiti Putra Malaysia	76	19.0
Universiti Pertahanan Malaysia	50	12.5
Total	400	100.0

(Sumber: Soal Selidik 2022)

Tempoh Penggunaan Media sosial

Jadual 3 menunjukkan taburan bagi tempoh penggunaan media sosial. Hasil mendapati hampir separuh belia telah menggunakan media sosial bagi tempoh 6-7 tahun (45.0%), diikuti tempoh 8-9 dan >10 tahun masing-masing seramai 81 orang (20.0%). Manakala, tempoh

penggunaan media sosial dalam sehari, di dapati hampir separuh belia menggunakan media sosial dalam tempoh 5-6 jam sehari iaitu seramai 192 orang (48.0%), diikuti bagi tempoh 7-8 jam sehari seramai 113 orang (28.2%). Terdapat juga responden yang menghabiskan lebih 9 jam sehari melayari media sosial iaitu seramai 53 orang (13.3%).

JADUAL 2: Penggunaan Teknologi dan Media Sosial

Perkara	Memilih (YA)	
	N	%
<i>Jenis Gadget</i>		
Telefon Pintar	398	99.5
Komputer Riba	385	96.3
Tablet/Ipad	249	62.3
<i>Sumber Capaian Internet</i>		
Plan Data	396	99.0
Wifi Universiti	379	94.8
Hotspot	285	71.3
Wifi Rumah	266	66.5
<i>Jenis Media Sosial</i>		
Youtube	389	97.3
Instagram	389	97.3
Telegram	377	94.3
Tiktok	327	81.8
Facebook	317	79.3
Twitter	266	66.5
<i>Aktiviti dalam Talian</i>		
Carian Maklumat	398	99.5
Sosial Media	394	98.5
Bersempang	390	97.5
Tontonan	388	97.0
Membaca	373	93.3
Video Game	268	67.0

(Sumber: Soal Selidik 2022)

Tahap Ketagihan Skrin

Jadual 4 menunjukkan ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT di Lembah Klang di tahap yang tinggi (Min: 3.7014, SP: .37606). Hasil dapatkan berdasarkan pembolehubah didapati penggunaan berlebihan (Min: 3.9254, SP: .47690) mencatatkan nilai skor min

tertinggi, diikuti dengan keutamaan (Min: 3.8292, SP: .42461), sikap dan kehidupan beragama (Min: 3.7900, SP: .46931), kemerosotan fungsi diri (Min: 3.7621, SP: .55495), tingkah laku kompulsif (Min: 3.6546, SP: .65033), kebergantungan (Min: 3.4775, SP: .74880) dan juga hubungan berorientasikan media sosial (Min: 3.4708, SP: .55231).

JADUAL 3: Tempoh Penggunaan Media Sosial

Perkara	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Tempoh Penggunaan Media Sosial		
Kurang 3 Tahun	6	2.0
4-5 Tahun	51	13.0
6-7 Tahun	181	45.0
8-9 Tahun	81	20.0
Lebih 10 Tahun	81	20.0
Tempoh Penggunaan Media Sosial Sehari		
Kurang 4 Jam	42	10.5
5-6 Jam	192	48.0
7-8 Jam	113	28.2
Lebih 9 Jam	53	13.3
Total	400	100.0

(Sumber: Soal Selidik 2022)

JADUAL 4: Skor Min Analisis Min dan Sisihan Piawaian (SP) Ketagihan Skrin

Pemboleh ubah	Min	SP	Tahap
Hubungan Berorientasikan Media Sosial	3.4708	.55231	Sederhana
Kemerosotan Fungsi Diri	3.7621	.55495	Tinggi
Keutamaan	3.8292	.42461	Tinggi
Penggunaan Berlebihan	3.9254	.47690	Tinggi
Kebergantungan	3.4775	.74880	Sederhana
Tingkah Laku Kompulsif	3.6546	.65033	Sederhana
Sikap dan Kehidupan Beragama	3.7900	.46931	Tinggi
Min Keseluruhan	3.7014	.37606	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Tahap Ketagihan Skrin

Hasil kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara ketagihan skrin jika dikaji mengikut

jantina belia IPT di Lembah Klang, iaitu t (398) = .766, $\text{Sig } p > .444$. Jadual 5 menunjukkan analisis bagi Ujian-t mengenai perbezaan dalam ketagihan skrin berdasarkan jantina belia IPT.

JADUAL 5: Analisis Ujian T terhadap Jantina Pelajar

Jantina	N	Min	t	Df	Sig
Lelaki	180	3.7173	.766	398	.444
Perempuan	220	3.6883			

Nilai Signifikan: $p > 0.05$

PERBINCANGAN

Artikel ini membincang tahap ketagihan skrin dan perbezaan berdasarkan jantina dalam kalangan belia IPT di sekitar Lembah Klang. Hasil mendapati, aplikasi yang kerap digunakan oleh belia IPT ialah *Instagram* dan *Youtube* (97.3%), diikuti *Telegram* (94.3%). Meskipun laporan kajian *Internet Users Survey* 2022 oleh SKMM (2023) mendapati aplikasi *Facebook* adalah aplikasi yang paling kerap dan tinggi digunakan oleh rakyat negara ini, Malaysia (87.5%) diikuti oleh *Instagram* (63.9%) dan *Youtube* (76.3%). Kajian juga mendapati belia IPT kerap menggunakan aplikasi *Instagram* dan *Youtube* berbanding aplikasi lain. Seterusnya, kajian menunjukkan tempoh penggunaan aplikasi ini dalam kalangan belia IPT ialah 6 tahun dan ke atas. Mereka menggunakan sekitar atau lebih 5 jam sehari. Hal ini menunjukkan belia IPT telah berpengalaman dalam penggunaan aplikasi di internet seperti media sosial.

Dapatan ini disokong oleh hasil kajian SKMM (2022), yang menyatakan majoriti rakyat Malaysia menggunakan internet lebih 5 tahun ke atas dan majoriti golongan belia meluangkan masa penggunaan di antara 5-12 jam sehari iaitu 54.4 peratus dan, 25.8 peratus belia menghabiskan masa lebih 13 jam sehari. Berdasarkan kajian oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), pengguna dianggap sebagai ketagihan apabila menggunakan lebih 5 jam sehari untuk mengakses internet melalui skrin digital seperti telefon pintar (Rashiqah, 2016). Hasil dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti dalam talian belia IPT seperti pencarian maklumat, melayari aplikasi media sosial, bersempang dan membaca. Kepelbagaiannya keperluan aktiviti dalam talian, menyebabkan majoriti belia IPT menghabiskan waktu yang lama menggunakan teknologi komunikasi dan mendorong kepada gejala ketagihan skrin.

Kajian ini turut menilai tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT di Lembah Klang. Konsep ketagihan skrin bagi kajian ini merujuk kepada kebergantungan dan taksub secara fizikal kepada penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar, internet, gadget-gadget dan aplikasi media sosial. Hasil mendapati belia IPT di Lembah Klang mempunyai tahap ketagihan skrin yang tinggi. Ketagihan skrin diukur berdasarkan pembolehubah hubungan berorientasikan media sosial, kebergantungan, keutamaan, kemerosotan fungsi diri, penggunaan berlebihan, tingkah laku kompulsif, sikap dan kehidupan beragama. Kajian ini menyokong hasil kajian yang dilaksanakan oleh Tom & Tohalib (2018), Effendi & Yahya (2020) dan Morad & Ibrahim (2022) yang menyatakan kebergantungan

untuk mengakses maklumat di internet dalam kalangan belia IPT di UMT dan UiTM Pahang adalah tinggi. Selain itu, kajian Rahman (2021) dan Ngadiman & Razak (2021) juga mendapati pelajar universiti ketagihan menggunakan skrin digital seperti telefon pintar untuk tujuan mencapai maklumat, aplikasi media sosial dan sebagainya. Ketagihan skrin memberikan kesan atau impak kepada gaya hidup, rutin dan gaya hidup sehari-hari belia masa kini. Contohnya, mereka lebih suka bersendirian, kurang bergaul dan bersosial (Keating, 2011). Selain itu, kajian juga telah membuktikan secara empirikal kesan ketagihan internet terhadap diri pengguna seperti tekanan psikologi (Cardak 2013), kurang keyakinan dan harga diri (Naseri, et al., 2015), gangguan psikososial seperti pengasingan diri, kurang sabar, gangguan emosi dan masalah dalam hubungan sosial (Tonioni et al., 2012).

Seterusnya, dapatan analisis Ujian-t mendapati bahawa tiada perbezaan ketagihan skrin terhadap jantina belia IPT di Lembah Klang. Nilai skor min antara lelaki dan perempuan menunjukkan tiada perbezaan yang mana, nilai min bagi belia IPT lelaki (3.7173) dan perempuan (3.6883). Oleh itu, kajian mendapati ketagihan skrin belia lelaki dan belia perempuan tiada perbezaan yang signifikan. Artikel ini selari dengan dapatan yang dijalankan oleh Effendi & Yahya (2020) dan Tom & Tohalib (2018) yang menyatakan tiada perbezaan mengikut jantina bagi ketagihan internet kalangan belia di universiti. Hal ini membuktikan ketagihan skrin dan internet tidak mengikut jantina belia. Mereka mempunyai kebarangkalian yang sama dalam mengakses peranti digital dan boleh ketagihan terhadap skrin apabila tidak mengawal penggunaan teknologi komunikasi masa kini. Namun, bagi kajian dijalankan oleh Rahman (2021) melihat aspek ketagihan telefon pintar dan pornografi mendapati lelaki lebih cenderung ketagihan berbanding perempuan. Hal ini kerana pelajar lelaki lebih banyak melayari video pornografi menggunakan telefon pintar berbanding perempuan. Diharap artikel ini dapat memberi maklumat tentang ketagihan skrin belia IPT dan memberi cetusan idea untuk menjalani kajian pada masa depan dalam skop yang lebih besar lagi.

KESIMPULAN

Penerimaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi, internet, gadget, aplikasi media sosial begitu tinggi dalam kalangan golongan belia IPT. Hal ini adalah wajar berdasarkan keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Tambahan lagi pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) menjadi norma

baharu dalam sistem pendidikan negara, bersesuaian dengan kemajuan teknologi dan pembelajaran alaf baharu. Namun demikian, ketidakmampuan untuk mengawal kebergantungan dan taksub secara fizikal kepada teknologi maklumat seperti telefon pintar, aplikasi media sosial dan internet menyebabkan majoriti belia IPT ketagihan skrin. Hal ini juga merencatkan produktiviti kehidupan seharian belia IPT. Sekiranya tidak dikawal akan memberikan dampak yang lebih besar seperti kecemerlangan akademik, kesihatan mental, kehidupan sosial, sikap belas ihsan dan jenayah siber. Justeru itu, kajian ini membantu dalam memahami tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia IPT. Belia IPT seharusnya dide dahkan berkenaan literasi media dan maklumat dalam penggunaan teknologi komunikasi supaya mereka memahami kesan terhadap ketagihan skrin. Seterusnya, belia IPT dapat membuat kawalan kendiri terhadap penggunaan teknologi komunikasi digital masa kini.

PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan pembiayaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2020-097). Tajuk kajian adalah pembinaan konstruk ketagihan skrin dan sikap belas ihsan berkomunikasi melalui media sosial dalam kalangan belia IPTA di Lembah Klang.

RUJUKAN

- Cardak, M. 2013. Psychological well-being and Internet addiction among university students. *Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 12(3), 134-141.
- Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. 2014. Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*. Vol. 30 (Special Issue), 43-74.
- Chiu, S.I., Hong, F.Y., & Chiu, S.L. 2013. An analysis on the correlation and gender difference between college students' Internet addiction and mobile phone addiction in Taiwan. *International scholarly research notices*, 2013.
- Choliz, M. 2010. Mobile phone addiction: a point of issue. *Addiction*, 105(2), 373-374.
- Chou, C. 2001. Internet heavy use and addiction among Taiwanese college students: an online interview study. *Cyberpsychology and Behavior*, 4(5), 573-585.
- Din, N. F. N., & Isam, H. 2019. Penyerahan Identiti Remaja Kesan Ketagihan Skrin di Media Sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1).
- Drago, E. 2015. The effect of technology on face-to-face communication. *The Elon Journal of undergraduate research in communication*. Vol. 6, No. 1, 13-19.
- Effendi, N.A.S.R., & Yahya, S.A. 2020. Hubungan di antara Ketagihan Internet dengan Gaya Pembelajaran dalam kalangan pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Jengka Pahang. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 33-42.
- Ejechi, E.O. 2016. Information Communication Technology: Are Nigeria's university students using it more for social and leisure activities? *International Journal of Humanities and Social Science*, 6(5), 67-73.
- Exelmans, L., & Van den Bulck, J. 2016. Bedtime mobile phone use and sleep in adults. *Social Science & Medicine*, 148, 93-101.
- Greenfield, D.N. 1999. Psychological characteristics of compulsive Internet use: A preliminary analysis. *Cyberpsychology & behavior*, 2(5), 403-412.
- Griffiths, M. 1996. Behavioral addiction: an issue for everybody?. *Employee Counseling Today*.
- Hussin, H., Ghani, A. R. A., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. 2022. Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 5(1), 27-36.
- Ika Destina, Ali Salman & Mohd Helmi Abd. Rahim . 2013. Penerimaan media sosial: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti di Palembang. *Malaysian Journal of Communication*. Vol. 29, No. 2, 125-140.
- Ishak, W.H.W., & Yamin, F.M. 2019. Literasi ICT dalam kalangan pelajar sarjana muda. *International Journal of Education*, 4(32), 43-50.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). 2022. Kenyataan Media Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2021. Jabatan Perdana Menteri (Dicari pada: 10/09/2023). https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/04.%20APRIL/PENGGUNAAN%20DAN%20CAPAIAN%20ICT%20OLEH%20INDIVIDU%20DAN%20ISI%20RUMAH%202021.pdf
- Kandell, J.J. 1998. Internet addiction on campus: The vulnerability of college students. *Cyberpsychology*

- & behavior, 1(1), 11-17.
- Keepers, G. A. 1990. Pathological preoccupation with video games. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 29(1), 49-50.
- Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). 2022. Pembekalan tablet Inisiatif Peranti Siswa. <https://perantisiswa.kkd.gov.my/>.
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). 2022. Statistik Pendidikan Tinggi 2022; Makro IPT. <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/statistik/2022-3/1177-statistik-pendidikan-tinggi-2022-bab-1-makro-institusi-pendidikan-tinggi/file>
- Kittinger, R., Correia, C. J., & Irons, J. G. 2012. Relationship between facebook use and problematic Internet use among college students. *Cyberpsychology, Behavior & Social Networking*, 15(6), 324–327.
- Korkeila, J., Kaarlas, S., Jaaskelainen, M., Vahlberg, T., and Taiminen, T. 2010. Attached to the web-harmful use of the Internet and its correlates. *Eur Psychiatry* 25(4), 236–241.
- Leung, L., & Lee, P. S. N. 2012. The influences of information literacy, internet addiction and parenting styles on internet risks. *New Media & Society*, 14(1), 117–136.
- Matar Boumosleh, Jocelyne; Jaalouk, Doris; Hayashi, Naoyuki. 2017. Depression, anxiety, and smartphone addiction in university students: A cross sectional study. *PLOS ONE*, 12(8), e0182239. doi:10.1371/journal.pone.0182239
- Metro. 2021. Manfaat data internet percuma untuk PdPR. (Dicari pada: 20 September 2023). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/670441/manfaat-data-internet-percuma-untuk-pdpr>
- Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham. 2017. Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Malaysian Journal of Communication*. Vol. 33, No. 1, 502-514.
- Morad, N.H., & Ibrahim, R.Z.A.R. 2022. Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Internet sebagai peramal kepada hubungan sosial dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *UMT Journal of Undergraduate Research*, 4(2), 63-74.
- Muhammad, N., & Ismail, M. S. 2020. Analisis keberkesanan penggunaan ICT dalam mendepani gelombang revolusi industri 4.0 dalam kalangan pelajar di negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 101-109.
- Mustaffa, N., Mahbob, M. H., Mahmud, W. A. W., Ahmad, F., & Rahim, H. A. 2013. Kebergantungan Internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1).
- Naseri, L., Mohamadi, J., Sayehmiri, K., & Azizpoor, Y. 2015. Perceived social support, self-esteem, and internet addiction among students of Al-Zahra University, Tehran, Iran. *Iranian journal of psychiatry and behavioral sciences*, 9(3).
- Ngahdiman, I. N., & Razak, R. R. 2021. Hubungan antara Ketagihan Media Sosial dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 54-62.
- Nunnally J. 1978. *Psychometric Theory*. NY: McGraw-Hill.
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. 2019. Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*. Vol. 35, No. 4, 337-352.
- Rahman, N. Q. 2021. Ketagihan telefon pintar dan ketagihan pornografi terhadap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-9.
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. 2016. Majoriti belia negara ketagih internet, media sosial berdepan risiko masalah mental. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/node/182970>.
- Ryding, F. C. & Kaye, L. K. 2018. “Internet Addiction”: A Conceptual Minefield. *Int J Ment Health Addiction*, 16, 225-232. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2949177/>
- Saruji, M. A. M., Hassan, N. H., & Drus, S. M. 2017. Impact of ICT and electronic gadget among young children in education: A conceptual model. In *Proceedings of the 6th International Conference on Computing and Information, Kuala Lumpur* (pp. 25-27).
- Shotton, M. A. 1991. The costs and benefits of ‘computer addiction’. *Behaviour & Information Technology*, 10(3), 219-230.
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM). 2023. Internet Users Survey 2022. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/IUS-2022.pdf>
- Tom, A. K. C., & Tohalib, Z. 2018. Hubungan Antara Ketagihan Internet dengan Pencapaian Akademik dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan & Felo Penghuni Kolej Kediaman UA Kebangsaan 2018*.
- Tonioni, F., D'Alessandris, L., Lai, C., Martinelli, D., Corvino, S., Vasale, M., & Bria, P. 2012.

- Internet addiction: hours spent online, behaviors and psychological symptoms. *General Hospital Psychiatry*, 34(1), 80-87.
- Tsai, H. F., Cheng, S. H., Yeh, T. L., Shih, C. C., Chen, K. C., & Yang, Y. C. 2009. The risk factors of Internet addiction – A survey of university freshmen. *Psychiatry Research*, 167(3), 294–299.
- Widyanto L & McMurran M. 2004. The psychometric properties of the internet addiction test.
- Cyberpsychol behave*: 7: 443-50.
- Winn, M. 1977. *The plug-in drug*. New York, NY: Viking Penguin, Inc.
- Young, K. S. 1996. Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder. Paper presented at the 104th annual meeting of the American Psychological Association, August 11, 1996. Toronto, Canada.

Mohamad Adli Baco & Mohd Azul Mohamad Salleh*

Pusat Kajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Arena Che Kasim
Pusat Kajian Psikologi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusof
Pusat Kajian Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: azul@ukm.edu.my